

Ucapan: 4040
494
113/80
444
63/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran
di-Persidangan Ketua2 Pegawai
Pelajaran Yang Ke-42 pada 22hb.
Jun, 1971 di-Maktab Perguruan
Ilmu Khas, Jalan Cheras, K.Lumpur
pada pukul 2.00 petang.

Saya sungguh gembira kerana berpeluang sekali lagi bertemu dengan tuan2 dan puan2. Meshuarat di-antara Ketua2 Pegawai Pelajaran, Timbalan Ketua2 Pegawai Pelajaran dan Pegawai2 Kementerian Pelajaran dari masa ka-sembasa adalah sangat berguna kepada semua. Untuk melaksanakan rancangan2 pelajaran kita dengan lichen, tuan2 dan puan2 hendaklah bertukar2 buah-fikiran dan pengalaman dengan pegawai2 di-ibu pejabat. Jarang sekali kita mendapat peluang saperti ini untuk membincangkan masalaah2 bersama dan chuba menchari penyelesaian kepada kesulitan2 yang selalu kita hadapi dalam usaha kita membentok suatu sistem pelajaran kebangsaan yang berkesan.

Sa-telah mengkaji achara2 yang di-atorkan bagi Persidangan ini, sukachita saya perhatikan bahawa achara2 tersebut meliputi pelbagai perkara. Ia-nya termasuk tajok2 yang menarek dan penting saperti peranan Kementerian Pelajaran dalam perkembangan pelajaran sa-belum bersekolah (pre-school education),

perojek2 anti-narcotic di-sekolah2, memperbaiki pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan penilaian ranchangan latehan guru. Saya dapati bahawa Ketua2 Pegawai Pelajaran akan di-beri keterangan ringkas mengenai beberapa perojek yang sedang di-jalankan oleh Kementerian saperti perojek memperbaiki pengajaran sains, ranchangan2 kesihatan dan makanan sekolah dan pelajaran melalui talivishen yang di-ranchangkan dalam tahun 1972. Saya yakin persidangan ini akan beroleh kejayaan yang besar.

Kerajaan telah berulang kali menegaskan betapa perlu-nya membetulkan pelbagai keadaan yang ada yang tidak sa-imbang di-antara kawasan2 bandar dengan kawasan luar bandar. Pelajaran adalah kunchi-nya. Oleh kerana beberapa sebab, maka mutu pelajaran di-kawasan2 luar bandar tidak sebaik mutu pelajaran di-kawasan2 bandar. Satu kajian yang bersungguh-sungguh perlu di-jalankan untuk mengetahui kemudahan2 lain di-kawasan2 luar bandar, sikap guru2 yang di-tempatkan ka-sekolah2 luar bandar, sikap ibu-bapa terhadap pelajaran, kadar dan sebab2 tertentu murid2 berhenti sekolah dan faktor2 tertentu yang menghalang kejayaan pelajaran kanak2 luar bandar.

Kita juga mempunyai harapan yang besar bahawa pelajaran akan menjadi chara untuk membena semula masharakat kita kepada masharakat yang benar2 bersatu, harmoni dan sabenar2-nya Malaysia. Kita perlu menilai ranchangan2 pelajaran kita selalu untuk melihat sekira-nya ranchangan2 ini akan memberi keputusan2 yang kita kehendaki. Masaalah2 baharu berkehendakkan chara baharu menghadapi-nya. Masaalah2 yang rumit sering kali berkehendakkan chara yang berani dan yang baharu mengatasi-nya. Saya suka melihat lebeh kerap dan banyak lagi perbinchangan di-adakan dan penyiasatan yang mendalam akan pendapat2 yang baru di-buat guna untuk menjadikan sistem pelajaran kita lebeh moden dan dinamik.

Selalu pegawai2 di-negeri2 sebok dengan kerja pentadbiran biasa sahingga menyebabkan mereka tidak mempunyai masa untuk memikirkan chara2 baharu untuk membaiki sekolah2 di-bawah jagaan mereka. Sebagai Ketua2 Pegawai Pelajaran tuan2 mempunyai tanggung-jawab pentadbiran dan juga professional. Saya suka melihat bahawa tugas2 professional tuan2 di-beri sama banyak perhatian dengan kerja2 pentadbiran sa-hari2. Saya berharap tuan2 akan dapat menumpukan lebeh masa untuk

menilai kesan-nya progrem² pelajaran kita dan membaiki segala benda yang kita perolehi daripada progrem ini kepada Pegawai² Peranchangan di-perengkat Kementerian. Saya menchadangkan agar tuan² mengkaji susunan pentadbiran di-pejabat masing¹ boleh di-gunakan dengan lebeh berkesan terhadap kakitangan yang ada. Patut di-adakan satu sistem yang beranika jurusan untok menilai kejayaan pelajaran supaya segala ranchangan kita boleh di-perbaiki dari satu masa ka-satu masa.

Dalam masa lima tahun yang akan datang bilangan penuntut² di-sekolah² rendah di-jangka bertambah dari 1.5 juta pada tahun 1971 kepada lebeh kurang 1.7 juta dalam tahun 1975 dan bilangan yang masok sekolah² menengah pula ia-lah dari 90,000 pada tahun 1971 kepada 158,000 dalam tahun 1975, maka ini bermaana suatu penambahan lebeh daripada 75.6%. Pada masa yang sama sekolah² kita juga akan menampong satu penambahan bilangan penuntut² yang masok sekolah, kita juga mesti-lah ingat akan bilangan besar penuntut² yang berhenti sekolah. Adalah di-anggarkan bahawa tahun ini sahaja hampir suku juta murid² akan berhenti sekolah dengan pelbagai kelulusan ia-itu dari sekolah rendah hingga-lah ka-tingkatan lima.

Menjelang 1975 angka ini adalah di-jangka bertambah kepada 409,000. Bilangan ini akan terus bertambah dengan kadar lima hingga lapan peratus tiap2 tahun. Sungguh pun demikian tidak semua mereka yang berhenti sekolah akan masuk pasaran buruh. Tetapi ada-lah di-jangka bahawa 145,000 akan menchari pekerjaan tiap2 tahun.

Sementara Rancangan Ekonomi Kerajaan akan mengeluarkan lebeh banyak lagi buruh untok perusahaan2 dan lain2 aktibiti ekonomi, sukatan pelajaran kita mestilah di-arahkan dengan lebeh berkesan lagi untok menyedia dan membantu murid2 yang berhenti sekolah mendapatkan pekerjaan. Kita telah pun mengambil tindakan untok membaiki masaalah ini melalui sukatan pelajaran anika jurusan, rancangan2 pelajaran vokeshenal dan teknikal dan juga melalui perkhidmatan bimbingan vokeshenal. Melalui sukatan anika jurusan di-sekolah2 menengah rendah kita berharap dapat menambah pemilehan2 kepada pelajar2. Saperti yang tuan2 ketahui bahawa tindakan telah di-ambil semenjak tahun 1970 untok meluaskan pengajaran mata-pelajaran pilihan saperti pertukangan kayu, pertukangan besi, dan pelajaran perdagangan kepada sekolah2 menengah atas di-mana terdapat chukup guru dan kemudahan2 lain. Adalah di-harapkan bahawa pelajar2 dengan pengetahuan yang

agak meluas adalah lebih sesuai untuk pekerjaan dan pasaran buruh. Perkhidmatan bimbingan vokeshenal kita adalah sedang di-perbaiki. Di-antara 1969 dan 1972 sa-jumlah 1,280 orang guru termasuk guru2 besar dan penyelia2 akan mendapat kursus bimbingan vokeshenal ini. Pada masa yang sama usaha2 adalah di-buat untuk mengurangkan kadar murid2 berhenti sekolah.

Ada-lah perlu kita membaiki kualiti guru2 melalui latehan sebelum bekerja dan latehan dalam perkhidmatan yang lebih baik. Suka saya nyatakan di-sini bahawa latehan perguruan sebelum berkhidmat sedang di-semak semula dengan tujuan untuk menyelaraskan latehan2 perguruan sekolah2 rendah dan menengah dengan tujuan untuk guru2 kita masa akan datang menjadi lebih bersimpati dan memberi kesempatan kepada keperluan masharakat supaya guru2 kita itu nanti akan menjadi lebih berkesan kepada perusahaan masharakat kita. Dengan harapan untuk memajukan perasaan harmoni negara ini, peranan guru dan sekolah pada 10 tahun yang akan datang adalah mustahak dan ini adalah berbedza daripada masa yang lalu, kita tidak boleh lagi berpuas hati hanya dengan kejayaan2 akademik sekalipun perkara ini mustahak. Sekolah2 tidak

seharus-nya tinggal bersendirian daripada masyarakat yang ia di-berikan khidmat-nya. Sekolah2 hendaklah keluar daripada kawasan-nya untuk masyarakat dan juga sebalek-nya masyarakat untuk sekolah. Guru2 akan memainkan peranan yang lebeh di-dalam pembangunan masyarakat terutama sekali di-kawasan2 luar bandar di-mana pada kebiasaan-nya mereka-lah merupakan gulongan yang lebeh terpelajar di-dalam masyarakat itu.

Untuk membaiki dan meluaskan lagi peluang2 pelajaran terutama sekali kepada anak2 kita di-luar bandar kita telah meranchangkan 10 buah sekolah2 sains permulaan yang berasrama yang mana akan membekalkan peluang2 bagi kanak2 luar-bandar yang mempunyai kuasa kemudahan2 pelajaran sains, ranchangan2 telah juga di-buat untuk menguntokkan sa-jumlah \$1.29 juta bagi penubohan sabuah Pusat Sains Kebangsaan yang mana kemudian kelak akan di-perkembangkan sebagai Pusat Bidang Pelajaran Kebangsaan. Adalah di-jangka bahawa Pusat Bidang Pelajaran Kebangsaan ini akan memperkembangkan bidang pelajaran yang selaras, dengan menitek beratkan kepada kehendak2 dan keperluan2 negara.

Projek permulaan pelajaran melalui TV yang telah

di-lancharkan dalam tahun 1965 dan 1966 untuk pengajaran sains bagi murid2 di-tingkatan satu dan empat telah memberikan kenyataan yang baik bahawa mutu pelajaran boleh di-perbaiki dengan pelajaran melalui TV. Di-bawah Rancangan Malaysia Kedua satu peruntukan permulaan sebanyak \$750 ribu telah pun di-buat untuk membolehkan penyiaran rancangan2 pelajaran pada sekolah2 pada bulan Jun, 1972. Kita tidak hanya meranchangkan untuk membekalkan chara2 pelajaran yang lebeh baik dan lebeh berkesan malahan juga kita melaksanakan rancangan2 untuk menolong murid2 kita supaya lebeh baik untuk menerima pengajaran ini. Sebagai chontoh telah di-dapati bahawa sebanyak 80% kanak2 sekolah mengidap penyakit chaching dan sebahagian besar kanak2 ini terutama sekali yang tinggal di-kawasan2 luar bandar, (hampir 27% mengikut satu kajian yang di-buat di-projek perchubaaan di-Telok Datok) mengidap kurang zat makanan. Oleh itu kita telah pun berkerja sama dengan Kementerian Kesihatan untuk melancharkan satu Rancangan Kesihatan Sekolah Bersama untuk semua sekolah2 kita dan pada masa yang sama kita juga bekerjasama dengan Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar termasuklah Kementerian Kesihatan untuk melaksanakan rancangan

pelajaran penilaian makanan bagi sekolah2 kita. Kementerian kita juga akan menubuhkan satu Pusat Latihan Guru Pelajaran Kesihatan dan Penilaian Makanan di-Kuala Trengganu untok mengadakan latihan di-dalam perkhidmatan bagi guru2 kita.

Saya telah pun menyebut beberapa perkara terhadap rancangan2 yang akan kita jalankan dalam masa lima tahun akan datang guna memberi tahu tuan2 akan tanggung jawab yang bertambah yang akan tuan2 pikul supaya mulai dari sekarang tuan2 boleh-lah mengambil langkah2 yang sewajar untok mendapatkan kakitangan di-peringkat negeri untok melaksanakan projek2 ini. Sukalah saya menyatakan di-sini bahawa kita bergantung kapada tuan2 semua yang mana merupakan barisan depan jentera pentadbiran dan penglaksanaan pelajaran kita untok memerhatikan bahawa segala objektif2 kita itu terchapai. Tetapi saya yakin bahawa Ketua2 Pegawai Pelajaran dan kakitangan mereka akan dapat mengatasi chabaran2 itu. Saya memberi jaminan akan sokongan dan galakan saya sepanjang masa.



